

## Dunia luar iktiraf sumbangan Malaysia jaga keamanan

**KUALA LUMPUR 27 Nov.** - Dunia bukan sahaja mengiktiraf sumbangan dan peranan Malaysia dalam menjaga keamanan, malah meletakkan harapan yang tinggi dalam membantu menyelesaikan pelbagai konflik di negara bergolak seperti pembebasan Bangsamoro dua tahun lepas.

Begitu juga dengan kejayaan Malaysia menduduki kerusi wakil tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) bagi penggal 2015-2016, selain terpilih menjadi Pengerusi ASEAN tahun hadapan.

Ketua Pengarah Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, Yves Daccord berkata, sumbangan Malaysia terhadap keamanan dunia adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal, apatah lagi beberapa kejayaan misi pendamaian di negara-negara bergolak.

Menurutnya, perjuangan negara yang lantang menentang ketidakadilan serta keganasan, sebaliknya mengutamakan prinsip-prinsip diplomatik dan rundingan selama ini sebenarnya telah membuka mata pelbagai negara.

“Malaysia memiliki keunikan kerana bijak berdiplomasi dan menyelesaikan pelbagai konflik hanya dengan prinsip kesederhanaan. Kelebihan Malaysia juga jelas kelihatan kerana dikelilingi oleh negara-negara jiran yang sentiasa bergolak.

“Pemilihan Malaysia untuk menduduki kerusi-kerusi penting turut membuktikan keupayaan negara ini. Reputasi Malaysia menjadi mediator dalam pelbagai rundingan telah meyakinkan dunia komitmen negara ini dalam menangani pelbagai konflik antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan

syarahan dalam majlis Siri Syarahan Kemanusiaan Raja Nazrin kali ke-3 anjuran Mercy Malaysia (Mercy) di Wisma Putra di sini hari ini.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut berkenaan berangkat ke majlis tersebut.

Yang turut hadir Presiden Mercy, Datuk Dr. Ahmad Faizal Mohd. Perdas.

Menurut Daccord, Malaysia juga akan berdepan dengan pelbagai cabaran berikutan harapan dunia yang mahu melihat Malaysia bersuara secara vokal dan bertindak.

“Saya secara peribadi percaya, perang di Syria tidak akan tamat sehingga bila-bila. Pelbagai isu dan negara bergolak khususnya di Asia Tenggara akan diletakkan di bahu Malaysia. Untuk menanganinya, bukan sesuatu yang senang. Dunia sedang melihat keupayaan anda,” tegasnya.

